



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	14/11/2019	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	KATS / IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Projek Rawatan Pembetungan Langat

Loji dijangka siap Ogos 2020

Projek diserahkan kepada Pusat sebelum operasi diambil alih IWK akhir 2023

Oleh Haika Khazi
mfaizul@bh.com.my

Kajang: MMC Corporation Bhd (MMC) dijangka menyerahkan Projek Rawatan Pembetungan Langat (Langat CSTP) kepada Kerajaan Persekutuan pada Ogos tahun depan.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Dr Xavier Jayakumar, berkata operasi loji itu kemudian akan diserahkan kepada Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) menjelang akhir 2023.

Katanya, MMC kini melakukan kerja membaik pulih jalan raya, kediaman dan bangunan di sekitar Hulu Langat yang rosak ketika pembinaan Langat CSTP dilaksanakan.

Beliau berkata, MMC juga sedang berunding dengan Lembaga

Lebuh Raya Malaysia (LLM) berhubung penggunaan laluan lebuh raya bagi memudahkan mereka mengangkut bahan binaan ke tapak projek itu.

"Saya berharap semua kerja pembinaan Langat CSTP dan membaik pulih jalan raya berkenaan dapat disiapkan menjelang Ogos 2020 sebelum projek ini diserahkan kepada kerajaan.

"Apabila siap kelak, MMC akan menyerahkan bangunan pejabat pengurusan tapak projek Langat CSTP ini kepada penduduk kampung untuk diubah suai menjadi sekolah tahfiz seperti dijanjikan kerajaan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan pelbagai peralatan sekolah sempena Program Kembali Ke Sekolah anjuran MMC di tapak projek Langat CSTP, di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Xavier berkata, beliau gembira kerana projek Langat CSTP yang menelan kos keseluruhan RM1.5 bilion melalui Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) dan RMKe-11 mula beroperasi.

Beliau berkata, ia dijangka mampu meningkatkan mutu perkhidmatan pembetungan bagi



Dr Xavier Jayakumar

kawasan tadahan seluas 77 kilometer persegi merangkumi Cheras Jaya, Cheras Batu 11, Kajang 1 dan Kajang 3.

Projek pembinaan Langat CSTP yang hanya menggunakan tanah seluas 7.3 hektar itu menggunakan kepakaran Jepun 'Deep Aeration Method' yang mampu mengurangkan 'carbon footprint' berganding dengan 'Step-Feed Multi Stage De-Nitrification'.

Penggunaan teknologi baharu itu juga mampu meningkatkan tahap penyingkiran ammonia dan nitrogen hingga mencecah 80 peratus mengikut Piawaian A kategori had parameter efluen dalam peraturan Kualiti Alam Sekitar Sekeliling (Kumbahan) 2009

dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Ini bermakna semua air kumbahan dilepaskan ke Sungai Langat dan menjadikannya lebih bersih serta bebas pencemaran, sekali gus mengelakkan masalah gangguan bekalan air terhadap penduduk di sekitar kawasan Hulu Langat.

"Apabila siap kelak, projek ini mampu menampung keperluan rawatan kumbahan hingga mencecah 920,000 PE atau bersamaan dengan 207 juta liter/sehari (MLD) bagi tempoh 20 hingga 30 tahun akan datang," katanya.

Dr Xavier menegaskan, kejayaan itu juga membolehkan IWK menutup 232 loji rawatan kumbahan kecil sedia ada di kawasan Cheras-Kajang yang sudah uzur dan sering menghadapi pelbagai masalah.

Dalam pada itu, beliau berterima kasih kepada MMC kerana menyumbangkan pelbagai peralatan sekolah, termasuk beg darat tulis, kepada lebih 440 pelajar kategori berpendapatan rendah (B40) dari 22 sekolah rendah serta menengah di sekitar daerah Hulu Langat yang terbabit projek Langat CSTP.